


Peniaga dakwa susun atur bazar Aidilfitri punca jualan merosot



SUASANA lengang selepas perubahan susun atur tapak perniagaan bazar Aidilfitri di Jalan Tunku Abdul Rahman, Kuala Lumpur semasa tinjauan *Utusan Malaysia* kira-kira pukul 4.30 petang, semalam.
- UTUSAN/NUR EZZATUL HUSNA

Oleh **NUR EZZATUL HUSNA**
ZAINATUL RAHMAN dan
ANES RAUDHAH AZMAN
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Perubahan susun atur tapak perniagaan bazar Aidilfitri di Jalan Tunku Abdul Rahman (Jalan TAR) yang tidak sesuai menyebabkan pendapatan peniaga berkurangan.

Peniaga mendakwa, berbeza susunan khemah pada tahun sebelumnya yang disusun secara berhadapan, kali ini tapak perniagaan tersebut diletakkan di bahagian tengah laluan secara 'back to back'.

Perkara itu menyebabkan segelintir peniaga kurang berpuas hati dengan tindakan pihak pengurusan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Menurut Amirul Hadi, 44, penjual baju Melayu kanakkanak, hasil pendapatannya setakat minggu kedua puasa

kurang sebanyak 40 peratus berbanding tahun lepas.

Beliau mendakwa, kebanyakan pengunjung masuk melalui pintu utama (dari arah Sogo) dan tidak menyedari kewujudan gerai-gerai jualan di bahagian belakang laluan kerana menyangka penjual hanya berniaga di bahagian depan.

"Keadaan ini menyebabkan kurang sambutan untuk penjual seperti kami yang meniaga di bahagian belakang.

"Orang ramai yang lalu di kawasan kedai kami hanya satu arah sahaja, berbeza dengan mereka yang menjual di bahagian depan, pengunjung datang dari dua arah berlainan (arah Sogo dan pusat beli-belah Hani-fah)," katanya.

Tambahnya, pihak DBKL perlu membuat penambahbaikan seperti membuat papan tanda arah, bagi menggalakkan ramai pengunjung datang

ke kedai terutama di bahagian belakang.

Nabil Luqman Faris, 28, penjual minyak wangi pula berkata, tahun ini adalah tahun ketiga beliau menjual di Jalan TAR.

"Masuk minggu ketiga puasa barulah nampak hasil jualan, berbeza dengan tahun lepas sambutan perniagaan membe-rangsangkan bermula minggu kedua lagi," katanya.

Beliau turut mengakui, jualan secara dalam talian turut memberi kesan kepada peniaga di bazar Aidilfitri, selain faktor cuaca tidak menentu sekarang.

Bagi peniaga baju kurung, Linda, 28, yang gerainya terletak di bahagian hadapan laluan, perniagaannya setakat ini memberangsangkan dan tiada masalah berbangkit.

"Setakat ini bahagian kita okey tiada apa-apa masalah. Jualan setakat minggu kedua berpuasa baik," katanya.